

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG]**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) perkembangan inisiatif perancangan Kementerian bagi menstrukturkan pendidikan digital dalam kurikulum sekolah; dan
- (b) bentuk kerjasama rentas Kementerian dan peranan masing-masing dalam inisiatif Pelan Pendidikan Digital.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan hala tuju pendigitalan negara di bawah Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara dan pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

Dalam konteks pendidikan, KPM sedang di peringkat akhir penggubalan Dasar Pendidikan Digital (DPD) yang bermatlamat melahirkan generasi fasih digital dan berdaya saing. DPD juga dirangka bagi memupuk bakat digital yang berpengetahuan, berkemahiran dan beretika dalam penggunaan teknologi digital. DPD disokong dengan pelan tindakan

komprehensif melalui strategi dan inisiatif yang strategik, khususnya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Di bawah kerangka DPD, tumpuan akan diberikan untuk:

- i. meningkatkan penguasaan murid dalam teknologi digital;
- ii. memperkayakan kandungan digital yang berkualiti;
- iii. memperkasakan kompetensi guru;
- iv. membudayakan penggunaan teknologi digital dalam kalangan pemimpin pendidikan;
- v. mengupayakan infostruktur dan infrastruktur digital institusi di bawah KPM; dan
- vi. memperkukuh jalinan strategik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkaitan kerjasama rentas Kementerian, KPM telah mengadakan jalinan dan jaringan bersama-sama pelbagai kementerian dalam Kluster Bakat Digital bawah Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara (MED4IRN). Kluster ini diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia.

KPM juga telah menubuhkan Kumpulan Kerja Khas (*Special Taskforce* – STF) Penyelarasan Perancangan Digitalisasi Sistem Pendidikan Negara. STF ini dipengerusikan secara bersama-sama oleh Ketua Setiausaha (KSU) KPM, KSU Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Ketua Pegawai Eksekutif, MyDIGITAL Corporation. Ahli STF terdiri daripada wakil KPM, KPT, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Belia dan Sukan. Melalui STF, KPM dapat mengoptimumkan potensi perkongsian awam swasta dalam memastikan rancangan digitalisasi sistem pendidikan negara ini dilaksanakan dengan berkesan.